

JUDUL : Berita Harian

TARIKH : Selasa, 30 September 2014

M/S : 22

# 'Baca 3 buku bahasa Inggeris setahun'

**Putrajaya:** Pelajar perlu membaca sekurang-kurangnya tiga buku cerita berbahasa Inggeris setiap tahun, bagi meningkatkan penguasaan untuk memudahkan mereka meneroka ilmu yang banyak ditulis dalam bahasa berkenaan, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri berkata, segelintir rakyat negara ini terutama orang Melayu menganggap bahasa Inggeris sukar dikuasai, sedangkan ada banyak cara untuk mempelajarinya, paling mudah adalah menerusi pembacaan.

## Kuasai bahasa Inggeris

"Saya yakin melalui pembacaan buku cerita bahasa Inggeris yang menyeronokkan, kita dapat menguasai bahasa itu kerana dahulu pun (ketika masih kecil), saya tidak pandai.

"Melalui pembacaan, saya

tahu bagaimana bahasa itu ditulis walaupun tidak berapa mahir mengenai tatabahasa tetapi apabila sesuatu ayat itu tidak kena, saya tahu ia tidak kena," katanya pada Program Literasi Maklumat Yayasan Kepimpinan Perdana (YKP)-Pustakaan Negara Malaysia (PNM) 2014, di sini semalam.

## Terima pengiktirafan

Sempena program bertema 'Ilmu Membina Bangsa dan Negara' itu, Dr Mahathir turut menerima pengiktirafan sebagai Ikon Membaca Kebangsaan yang disampaikan oleh PNM.

Dr Mahathir menegaskan, negara tidak mampu menterjemahkan semua buku teks ilmiah ke dalam bahasa Melayu dan hanya dengan menguasai bahasa Inggeris sahaja pelbagai cabang ilmu lain dapat dipelajari secara mendalam.

"Walaupun bahasa Inggeris susah, kita tetap kena belajar kerana ia adalah bahasa ilmiah zaman ini, sebagaimana bahasa Greek, Cina dan Hindi satu ketika dahulu. Kebolehan membaca dan menulis dalam bahasa Inggeris ini akan menjadi aset kepada kita," katanya.

## Kongsi rahsia kejayaan

Dr Mahathir turut berkongsi rahsia kejayaannya dalam pelajaran bahasa Inggeris walaupun pada mulanya beliau bukanlah seorang yang dianggap cemerlang dalam mata pelajaran berkenaan.

"Saya percaya, jika kita tidak pandai tetapi membaca dengan kerap, kita akan dapat menguasai ilmu itu lebih dari pada mereka yang pandai namun tidak kerap membaca," katanya.

“

*Melalui pembacaan, saya tahu bagaimana bahasa itu ditulis walaupun tidak berapa mahir mengenai tatabahasa tetapi apabila sesuatu ayat itu tidak kena, saya tahu ia tidak kena”*

**Dr Mahathir Mohamad,  
Bekas Perdana Menteri**